

BAB

1



FILEM, KEPIMPINAN DAN DINAMISME UNIVERSITI

PENGENALAN

Filem adalah hasil inovasi teknologi. *A medium (art or business) that disseminates moving Pictures.*" (Dictionary. *die.net/film*). Ia boleh dalam bentuk cerita dan drama dan boleh juga dalam bentuk berita atau pelbagai genre lain. Gabungan antara pancaran cahaya dengan imej yang digerakkan menghasilkan imej visual yang boleh dilihat dengan mata kasar. Lebih canggih teknologi filem, lebih efisien penerbitannya, maka lebih mampu ia menerima apa jua cabaran yang diperlukan oleh kandungan sesebuah filem yang hendak dihasilkan. Takrifan tersebut memberi makna bahawa berlaku kelangsungan penyelidikan, pengujian dan penciptaan dalam bidang teknologi filem.

Ilmu sangat bersifat anjal dan mempunyai ruang lingkup penelitian yang sangat luas dalam setiap sudut bidang. Sesebuah universiti yang diwujudkan diberi fungsi untuk meneroka kedalaman dan keluasan ilmu itu. Setiap universiti mempunyai *niche* ilmu dan pendekatan penerokaan yang tersendiri. Landasan ini dilihat oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sebagai suatu peluang dan cabaran baru yang sangat menarik untuk diteroka. Namun, perspektif melihat penerokaan ini adalah berbeza yang ada kalanya sukar difahami oleh pihak-pihak tertentu, terutama apabila peneraju kepimpinan UniMAP

itu sendiri mempunyai pandangan yang bukan konvensyen pastinya keadaan ini mengambil masa yang agak lama bagi sesetengah pihak untuk memahaminya.

Kesukaran kefahaman ini kerana pertamanya UniMAP adalah sebuah universiti kejuruteraan. Bidang kekuatannya atau *niche areanya* adalah dalam disiplin elektronik. Elektronik adalah suatu bidang ilmu yang sangat anjal. Selain elektronik, terdapat bidang pengajian lain iaitu Sistem Elektrik, Bahan, Komputer dan Perhubungan, Pembuatan, Alam Sekitar, Bioproses, Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan serta Pusat Antarabangsa. Kedua, jumlah warganya yang kecil. Persoalan yang kerap dikemukakan ialah bagaimana jumlah tenaga manusianya yang kecil mampu melaksanakan pelbagai projek dan acara besar di peringkat nasional?

PENDEKATAN LESTARI DALAM PENGURUSAN ILMU

Walaupun aspek akademiknya memberikan keutamaan di bidang kejuruteraan, namun pembangunan akademiknya berbentuk lestari dan holistik. Kejuruteraan bukanlah satu bidang yang tertutup, malahan aplikasinya adalah meluas, berkontekstual mengikut keperluan negara dan zamannya. Mengenai perkara ini Naib Canselor UniMAP pernah menegaskan,

“Sebagai institusi pendidikan dan penyebar ilmu pengetahuan kita sewajarnya secara sedar memilih konsep pembangunan lestari yang holistik”.

(Naib Canselor UniMAP, 2010, 24 Februari).